



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM
05604 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-740 4000
Faks : 04-740 4342
Laman Web : www.moe.gov.my

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : JPNK 600-3/4/4 Jld.11 (86)
Tarikh : 30 April 2024

Puan Norhana Hamim

Pengarah
Jabatan Pusat Pembelajaran & Satelit
Petrosains, The Discovery Centre,
Level 4, Suria KLCC, PETRONAS Twin Towers,
50088 Kuala Lumpur.

Puan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN UNTUK PENGANJURAN PERTANDINGAN PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Kedah (JPNK) melalui Sektor Pembangunan Murid telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak puan. Pihak JPNK mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negara ini.
3. Sehubungan dengan itu, pihak JPNK mengambil maklum akan permohonan pihak puan serta tiada halangan bagi penganjuran **Pertandingan Petrosains RBTX Challenge 2024** kepada murid – murid sekolah menengah di negeri Kedah pada **1 Mei 2024 hingga 27 Oktober 2024**. Walau bagaimanapun, pihak JPNK ingin menarik perhatian puan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.7 1988, Bil.8/1995, Bil.8/2009, Bil.5/2018, Bil.9/2023 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010. Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 3.1. pihak pengajur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah yang berkenaan;
- 3.2. semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 3.3. penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
- 3.4. pihak pengajur adalah bertanggung jawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 3.5. surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.6. penyertaan guru/murid **tidak mengganggu atau menjelaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)/program/aktiviti sekolah;


- 3.7. pihak pengajur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
 - 3.8. pihak pengajur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
 - 3.9. sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak pengajur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
 - 3.10. tiada implikasi kewangan kepada JPN, PPD, sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);
 - 3.11. pihak pengajur hendaklah bertanggung jawab menanggung semua kos pengajuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar**;
 - 3.12. bagi mengelakkan sebarang komplikasi kepada kesihatan murid/guru semasa berhadapan dengan fenomena cuaca panas, pihak pengajuran perlu menyediakan kemudahan penyejukan (*cooling facilities*) seperti tempat berlindung (kanopi/payung) ais atau tuala basah serta memastikan murid minum air yang mencukupi sebelum, semasa dan selepas aktiviti dengan menyediakan bekalan air minuman yang mencukupi;
 - 3.13. pihak pengajur perlu memantau aktiviti yang boleh mendedahkan murid kepada keadaan cuaca panas dan menangguhkan semua aktiviti luar (*outdoor*) yang sedang berlangsung sekiranya berlaku peningkatan suhu melebihi 35°C;
 - 3.14. penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak pengajur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat** selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan pengajuran program ini;
 - 3.15. pihak pengajur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung bagi mendukung elemen urus insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (seperti pemupukan integriti, bersikap jujur, amanah, sifat jati diri terpuji, beretika dan lain-lain);
 - 3.16. JPN Kedah berhak menarik balik surat pengajuran program ini sekiranya pihak pengajur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuratan akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.
4. Maklum balas pengajuran program ini hanya untuk **Pertandingan Petrosains RBTX Challenge 2024** pada **1 Mei 2024 hingga 27 Oktober 2024** sahaja. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Sektor Pembangunan Murid, JPNK.
 5. Sebarang maklumat berkaitan maklum balas ini, pihak puas boleh merujuk kepada **Encik Zuherly Zolkapali, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid di talian 04-7745 174 / 014-9090 844** atau e-mel di alamat **zuherly@moe.gov.my**.

Kerjasama dan perhatian pihak puhan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”**

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAHMAN BIN MANSOR)

Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Timbalan Pengarah Pendidikan (Pembangunan Murid)
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah

s.k. 1. Timbalan Pengarah Pendidikan (Pembangunan Murid)
2. Pegawai Pendidikan Negeri Kedah

PERKARA: MAKLUM BALAS PERMOHONAN UNTUK PENGANJURAN PERTANDINGAN PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A

LAPORAN

Nama Program _____

- 1.0 Nama Program/Aktiviti:
- 2.0 Tarikh Pelaksanaan:
- 3.0 Mod Pelaksanaan:
- 4.0 Penyertaan (jantina/bangsa):

BIL	SEKOLAH	DAERAH / NEGERI / NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
			L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU
1										
2										
3										
4										
5										
6										
7										
8										
9										
10										
JUMLAH										

***Sekiranya melibatkan penyertaan luar negara, sila lampirkan salinan passport

- 5.0 Jadual Pebgisian / Pelaksanaan Aktiviti:
- 6.0 Peruntukan/Perbelanjaan Yang Diturunkan (***) Jika berkaitan)
- 7.0 Tetamu Kehormat (VIP): (***) Jika berkaitan)
- 8.0 Pemenang (***) Jika berkaitan)

KATEGORI PERTANDINGAN					
Kedudukan	Nama Murid	Id Murid	Sekolah	Kod Sekolah	JPN
Pertama					
Kedua					
Ketiga					
Keempat					
Kelima					

- 9.0 Isu dan Cabaran:
- 10.0 Elemen Human Governance yang dilaksanakan:
- 11.0 Cadangan penambahbaikan:
- 12.0 Gambar:

Disediakan Oleh:

Tarikh:

SYARAT PENGIKTIRAFAN PROGRAM BAGI MARKAH KOKURIKULUM MURID

A. Peringkat Antarabangsa

Bil.	Anjuran	Syarat
1	Bahagian KPM (Dalam Negara)	Diluluskan oleh Menteri Pendidikan / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM.
2	Agensi Kerajaan / Sukan Kerajaan / Swasta (Dalam Negara)	<ul style="list-style-type: none"> i. Melibatkan sekurang-kurangnya tiga (3) buah negara termasuk Malaysia; ii. 25% jumlah penyertaan adalah terdiri daripada penyertaan luar negara dan 75% adalah penyertaan dalam negara; iii. Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia / Jabatan Pendidikan Negeri / Pejabat Pendidikan Daerah / Sekolah; iv. Mendapat kelulusan di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia.
3	Jabatan Pendidikan Negeri (Dalam Negara)	<ul style="list-style-type: none"> i. Melibatkan sekurang-kurangnya tiga (3) buah negara termasuk Malaysia; ii. 25% jumlah penyertaan adalah terdiri daripada penyertaan luar negara dan 75% adalah penyertaan dalam negara; iii. Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia / Jabatan Pendidikan Negeri / Pejabat Pendidikan Daerah / Sekolah; iv. Mendapat kelulusan di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia.
4	Jabatan Pendidikan Negeri (Luar Negara)	<ul style="list-style-type: none"> i. Mendapat kebenaran ke luar negara (Lampiran A); ii. Diluluskan oleh Menteri Pendidikan / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM.
5	Agensi Kerajaan / Sukan Kerajaan / Swasta (Luar Negara)	<ul style="list-style-type: none"> i. Mendapat kebenaran ke luar negara (Lampiran A); ii. Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia / Jabatan Pendidikan Negeri / Pejabat Pendidikan Daerah / Sekolah; iii. Diluluskan oleh Menteri Pendidikan / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM.

B. Peringkat Kebangsaan

Bil.	Anjuran	Syarat
1	Bahagian KPM	Diluluskan oleh Menteri Pendidikan / KPPM / TKPPM / Pengarah Bahagian KPM.
2	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan / Swasta	<ul style="list-style-type: none"> i. Melibatkan sekurang-kurangnya tiga (3) buah negeri termasuk tuan rumah; ii. 25% jumlah penyertaan adalah terdiri daripada penyertaan negeri jemputan; iii. Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia / Jabatan Pendidikan Negeri / Pejabat Pendidikan Daerah / Sekolah; iv. Diluluskan oleh Menteri Pendidikan / KPPM / TKPPM Pengarah Bahagian KPM.
3	Jabatan Pendidikan Negeri	<ul style="list-style-type: none"> i. Melibatkan sekurang-kurangnya tiga (3) buah negeri termasuk tuan rumah; ii. 25% jumlah penyertaan adalah terdiri daripada penyertaan negeri lain; iii. Diluluskan oleh Menteri Pendidikan / KPPM / TKPPM Pengarah Bahagian KPM; iv. Bagi sekolah dan PPD yang ingin menganjurkan program, pemohonan perlu dihantar melalui JPN masing-masing.

C. Peringkat Negeri

Bil.	Anjuran	Syarat
1	Jabatan Pendidikan Negeri	Diluluskan oleh Pengarah JPN.
2	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan / Swasta	<ul style="list-style-type: none"> i. Melibatkan sekurang-kurangnya empat (4) buah daerah termasuk tuan rumah; ii. 25% jumlah penyertaan adalah terdiri daripada penyertaan daerah bukan tuan rumah; iii. Sekiranya negeri yang tiada daerah, sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah sekolah bagi Perlis, WP Putrajaya dan WP Labuan; iv. Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia / Jabatan Pendidikan Negeri Pejabat Pendidikan Daerah / Sekolah; v. Diluluskan oleh Pengarah JPN.
3	Pejabat Pendidikan Daerah	<ul style="list-style-type: none"> i. Melibatkan sekurang-kurangnya empat (4) buah daerah termasuk tuan rumah; ii. 25% jumlah penyertaan adalah terdiri daripada penyertaan daerah bukan tuan rumah iii. Diluluskan oleh Pengarah JPN.

D. Peringkat Daerah

Bil.	Anjuran	Syarat
1	Pejabat Pendidikan Daerah	Diluluskan oleh Pegawai Pendidikan Daerah
2	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan / Swasta	i. Melibatkan sekurang-kurangnya lima (5) buah sekolah; ii. Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia / Jabatan Pendidikan Negeri Pejabat Pendidikan Daerah / Sekolah. iii. Diluluskan oleh Pegawai Pendidikan Daerah
3	Sekolah	i. Melibatkan sekurang-kurangnya lima (5) buah sekolah termasuk sekolah tuan rumah; ii. Diluluskan oleh Pegawai Pendidikan Daerah